

# **GM KLANG ANJUR 'FIESTA PUSING SELANGOR DULU' DISEMBER INI**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 29/11/2023 | Author: MARFIKA ADNAN HARIS  
FADZILAH | Others**

SHAH ALAM, 29 Nov (Bernama) -- Pusat Borong GM Klang selaku duta pelancongan Bandar Klang akan bekerjasama dengan Tourism Selangor, dalam usaha bersepadu merancakkan industri pelancongan tempatan menerusi program 'Fiesta Pusing Selangor Dulu'.

Program yang merupakan kesinambungan dari siri kempen 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!' oleh Tourism Selangor itu, akan berlangsung pada 9 dan 10 Dis ini di Atrium, aras bawah Pusat Borong GM Klang, Klang dekat sini.

Pengurus Kanan Komunikasi Jenama GM Klang Norsuhaida Othman berkata bertepatan dengan cuti sekolah, program itu merupakan acara mesra keluarga yang ideal dan menawarkan peluang terbaik untuk keluarga merancang percutian mereka.

"Bagi menyemarakkan lagi rasa keterujaan orang ramai sepanjang acara tersebut berlangsung, cabutan bertuah dengan peluang memenangi hadiah menarik akan diadakan, selain acara slot pentas yang memberikan peluang kepada operator untuk mempromosikan jualan mereka melalui lelongan, demonstrasi dan pemberian hadiah," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sebanyak 15 operator produk pelancongan Selangor akan terlibat dalam program tersebut iaitu Mercure Kuala Lumpur Glenmarie, Sky Mirror Tour dan Travel Sdn Bhd, Chocolate Museum, Wyndham Acmar Klang Hotel, Selangor Fruit Valley dan Rumah Hutan Terapi Alam.

Selain itu, ia turut disertai Eastin Hotel Kuala Lumpur, Premiere Hotel, Hotel Tenera Bangi, Heritaste Jenjarom, Pertubuhan Kembara Anak Seni Selangor (PKAS), Chemilan, GL Play, I-City Theme Park dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

TAG: GM Klang, promosi, program, pelancongan, Selangor

-- BERNAMA

MAHF MAHF HIS